

3/65/92

TEL: 2380219
FAX: 2382507



كمتنرين همباتون

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami : JASTRE/AS/Bebas-Botol-
Our Reference Plastik

Tarikh: 16 Muharram 1441H
16 September 2019M

Yang Mulia,
Sila lihat pembahagian.

Pengiran/Dato / Pengiran Datin /Datin/ Tuan / Puan;

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

INISIATIF BEBAS BOTOL PLASTIK (PLASTIC BOTTLE FREE INITIATIVE)



Dengan penuh hormat, suacita merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang kita sudah sedia maklum, isu dan masalah alam sekitar terutamanya penggunaan bahan plastik pakai buang (*single-use plastics*) telah mendapat perhatian di pelbagai peringkat masyarakat di seluruh dunia pada masa ini kerana implikasinya bukan sahaja memberi kesan kepada generasi pada masa kini tetapi juga kepada generasi kita di masa hadapan. Isu pencemaran alam sekitar hasil dari kesan pembuangan bahan plastik pakai buang, jika tidak ditangani dengan sewajarnya, akan membawa kesan-kesan yang negatif bukan hanya kepada alam sekitar tetapi juga akan menjelaskan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat dan penduduk di negara ini.

3. Penggunaan bahan plastik pakai buang (*single-use plastics*) adalah merupakan salah satu penyumbang kepada sisa buangan yang perlu dilupuskan ke tapak pelupusan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pembangunan, melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah mengungkayahkan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk mencapai matlamat meningkatkan kadar penggunaan konsep 3 'R' (*Reduce, Reuse, Recycle*) ke arah mengurangkan jumlah sisa buangan plastik di Negara ini, di samping mempromosikan dan menggalakkan penggunaan alternatif yang lebih mesra alam dan memupuk tabiat-tabiat yang berunsurkan kehijauan dan kelestarian.

4. Salah satu inisiatif baru bagi menangani bahan plastik pakai buang (*single-use plastics*) terutamanya botol-botol plastik ialah Inisiatif Bebas Botol Plastik atau *Plastic Bottle Free Initiative*. Inisiatif ini telah dilancarkan sempena majlis sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018 yang membawakan tema 'Beat Plastic Pollution'. Tema ini membawa maksud bahawa dunia memerlukan setiap individu dalam sama-sama menangani masaalah alam sekitar, terutama sekali pencemaran plastik. Ianya mengkehendaki kita untuk mempertimbangkan

dan mengubah gaya hidup kita ke arah mengurangkan beban pencemaran plastik di negara kita.

5. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal yang berhubungkait dengan alam sekitar, Kementerian Pembangunan adalah komited dalam mengungkayahkan inisiatif ini ke arah hasrat untuk menjadi Kementerian pertama yang bebas botol plastik. Ini termasuk menerapkan amalan membawa botol guna semula, menyediakan dispenser air atau sistem penapis air di pejabat, menyediakan jag air dan cawan semasa mesyuarat dan sebagainya. Amalan-amalan baik atau *good practices* ini turut diamalkan di mesyuarat-mesyuarat luar negeri seperti mesyuarat di bawah Kumpulan Kerja ASEAN dan sebagainya.

6. Memandangkan isu alam sekitar adalah isu universal di mana semua pihak harus memainkan peranan dan tanggungjawab mereka secara kolektif dan komprehensif termasuklah dari warga perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pembangunan memohon kerjasama daripada pihak Pengiran/Dato/Pengiran Datin/Datin/Tuan/Puan untuk menggalakkan supaya inisiatif ini dilaksanakan di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan masing-masing, dan bersama-sama menjayakannya melalui pendekatan seluruh negara atau 'whole of nation approach', bagi mewujudkan suasana persekitaran sejagat yang kondusif ke arah sebuah negara yang berkualiti selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

7. Bersama ini disertakan poster 'Panduan Ke Arah Bebas Botol Plastik' atau 'Guide Towards Plastic Bottle Free' untuk rujukan pihak Pengiran/Dato/Pengiran Datin/Datin/Tuan/Puan. Untuk mendapatkan 'softcopy' poster dan/atau jika ada sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung terus dengan Pegawai Alam Sekitar di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, DAYANG RODZIAH BINTI HAJI ADNAN, melalui e-mel: rodziah.adnan@env.gov.bn.

Sokongan padu pihak Pengiran/Dato/Pengiran Datin/Datin/Tuan/Puan untuk sama-sama merealisasikan inisiatif ini adalah amat diharapkan dan terlebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih.

'BERSEDIA BERKHIDMAT'

'Modul Insan Perkhidmatan Awam Yang Berpaksikan Islam'

[DR NOR IMTIHAN BINTI HAJI ABDUL RAZAK]

Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar)

Kementerian Pembangunan

Negara Brunei Darussalam



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PANDUAN KE ARAH BEBAS BOTOL PLASTIK

1. Melabur dalam pembelian sebuah dispenser air atau sistem penapis air bagi kegunaan kakitangan pejabat.
2. Menggalakkan kakitangan untuk membawa botol guna semula dari rumah daripada membeli air botol dari kedai.
3. Menyediakan cawan dan gelas di pejabat untuk kegunaan semua.
4. Ketika mesyuarat, sediakan gelas dan jag air bagi semua yang hadir.
5. Untuk acara-acara sukan atau aktiviti luar, maklumkan peserta-peserta untuk membawa botol guna semula dan sediakan dispenser minuman.

GUIDE TOWARDS PLASTIC BOTTLE FREE

1. Invest in a water dispenser or water filtration system for the use of all office staff.
2. Encourage staff to bring their reusable bottles from home instead of buying bottled water or drinks from stores.
3. Provide cups and glasses at the office for everyone's use.
4. During meetings, provide glasses and jugs of water for all those in attendance.
5. During sports and outdoor activities, remind participants and guests to bring their reusable bottles and provide drinks in dispensers.